

1. Gambar 1 menunjukkan produk yang dikeluarkan oleh Perniagaan Basyirah Enterprise



Gambar 1

Apakah yang menerangkan sifat produk tersebut?

- A. Di perlukan untuk hidup selesa
 - B. Direka bentuk dengan pelbagai fesyen
 - C. Perlu dimiliki dengan harga yang tinggi
 - D. Merupakan objek yang dapat dilihat dan disentuh
2. Antara berikut, yang manakah merupakan aktiviti perniagaan berasaskan perkhidmatan?
- I. Perbankan
 - II. Pembuatan
 - III. Pembalakan
 - IV. Pengangkutan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
3. Maklumat berikut merujuk kepada suatu bentuk pemilikan perniagaan



Gambar 2

Apakah peranan Francaisi dalam pemilikan perniagaan diatas?


- A. Menjalankan aktiviti perniagaan mengikut peraturan dan sistem piawai yang telah ditetapkan
- B. Memberi hak untuk menggunakan imej serta jenama
- C. Memyediakan bantuan modal permulaan
- D. Membantu melaksanakan pengiklanan

4. Maklumat berikut berkaitan Batrisyia Seramik

Pengilangan	
Jumlah Jualan tahunan	Bilangan Pekerja Tetap
17 juta	80 orang

Saiz perniagaan Syarikat Batik Indah ialah..

- A. Kecil
 - B. Sederhana
 - C. Mega
 - D. Besar
5. Mengapakah perniagaan yang gagal mendapat keuntungan akan mengalami kesukaran dalam mengembangkan perniagaannya?
- A. Motivasi pekerja akan terjejas
 - B. Imej produk terjejas di mata pengguna
 - C. Tidak dapat meningkatkan operasi perniagaan
 - D. Terpaksa mengurangkan harga jualan semasa barang
6. Rajah 1 menunjukkan Trend persekitaran perniagaan bagi sebuah negara



Rajah 1


Mengapakah berlaku keadaan demikian pada negara tersebut?

- A. Gaya pengurusan yang cekap
- B. Pasaran Ekonomi yang mengembang
- C. Sistem politik dan perundangan yang stabil
- D. Pengeluaran yang tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan

7. Pernyataan manakah merupakan persekitaran luaran yang boleh menjayakan sesebuah perniagaan?

- A. Struktur organisasi yang mantap dapat menyelaraskan aktiviti antara jabatan
- B. Pembekal bahan mentah memberikan kemudahan kredit jangka pendek
- C. Peluang kenaikan pangkat disediakan sebagai strategi untuk meningkatkan motivasi pekerja
- D. Sumber kewangan syarikat mencukupi untuk membiayai kos pembangunan

8. Graf kitaran ekonomi untuk tahun 2018



Rajah 2

Apakah kesan yang menyebabkan berlakunya “D”

- I. Penduduk tidak mempunyai wang untuk berbelanja
- II. Kadar pengangguran meningkat
- III. Pendapatan negara naik
- IV. Mampu membayar gaji

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

9. Undang-undang yang dititikberatkan dalam perniagaan

Perniagaan perlu mengeluarkan produk yang sesuai dengan tujuan penggunaan seperti makanan yang tidak mengandungi pengawet yang boleh menjejaskan kesihatan

- A. Undang-undang Pengiklanan
 - B. Undang-undang Persekitaran
 - C. Undang-undang Perlindungan pengguna
 - D. Undang-undang kesihatan dan keselamatan
10. Agensi di bawah berperanan membantu pengeluar tempatan menembusi pasaran global.



Bagaimanakah agensi tersebut berperanan?

- A. Memberi khidmat nasihat
 - B. Menyediakan bantuan prasarana
 - C. Menyediakan kemudahan pembiayaan
 - D. Memperkenalkan teknologi pengeluaran baharu
11. Syarikat Kayu Jati Sdn Bhd terpaksa menilai semula objektif syarikat ketika penularan covid 19
- Apakah faktor luaran yang boleh mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan?
- A. Kewangan
 - B. Pemasaran
 - C. Demografi
 - D. Undang-undang

12. Pernyataan manakah merupakan persekitaran luaran yang boleh menjayakan sesebuah perniagaan?

- A. Sumber kewangan syarikat mencukupi untuk meningkatkan motivasi pekerja
- B. Struktur organisasi yang mantap dapat menyelaraskan aktiviti antara jabatan
- C. Pembekal bahan mentah telah memberikan kemudahan kredit jangka pendek
- D. Peluang kenaikan pangkat disediakan sebagai strategi untuk meningkatkan motivasi pekerja

13. Maklumat di bawah ini menunjukkan pihak berkuasa tempatan (PBT).

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Dewan Bandaraya Kuala Lumpur • Majlis Perbandaran Kuantan • Majlis Daerah Machang |
|---|

Antara yang berikut, manakah yang merupakan bidang kuasa pihak di atas?

- I Menggubal undang undang kecil berkaitan perniagaan
 - II Mendaftar dan mengawal selia semua pemaju perumahan tempatan
 - III Merangka dan melaksanakan dasar dasar pembangunan setempat
 - IV Menguatkuasa semua undang undang jalan raya di sesuatu kawasan
- A I dan II C II dan IV
- B I dan III D III dan IV

14. Maklumat berikut telah disediakan oleh seorang akauntan sebuah syarikat bagi menentukan pengeluaran unit bola sepak

Sewa kedai	RM 20000.00
Harga seunit bola	RM 150.00
Kos berubah seunit bola	RM 100.00

Berapakah unit bola sepak perlu dikeluarkan untuk capai TPM?

- A. 300
- B. 400
- C. 500
- D. 600

15. Mengapakah kawalan selepas pengeluaran perlu dilakukan oleh staf bahagian fungsian pengeluaran?

- A. Mengawal penggunaan sumber secara efektif
- B. Memastikan peralatan dan mesin dalam keadaan baik
- C. Mengatasi setiap masalah yang timbul dalam pengeluaran dengan segera
- D. Memastikan produk yang dihasilkan mengikut standard yang betul

16. Pernyataan manakah yang menerangkan fungsian penyelidikan dan pembangunan?

- A. Menambah baik produk sedia ada
- B. Menukarkan input menjadi barang
- C. Menggalakkan berlaku pertukaran barang
- D. Menggunakan alat transaksi untuk pertukaran barang

17. Gambar dibawah adalah berkaitan dengan teknologi maklumat



Gambar 3

Bagaimanakah pengguna teknologi maklumat dapat mengintegrasikan bahagian-bahagian fungsian?

- A. Mengurangkan gangguan dalam komunikasi
- B. Maklumat dapat disampaikan dengan pantas dan tepat
- C. Meningkatkan komunikasi antara majikan dengan pekerja
- D. Maklumat perniagaan dapat dihantar dengan mudah dan cepat

18. Maklumat berikut berkaitan dengan satu bahagian fungsian

- Menguruskan rekod
- Mengendalikan mesyuarat
- Menjalankan urusan dalam organisasi

Apakah bahagian fungsian yang bertanggungjawab dengan perkara diatas


- A. Kewangan
- B. Pentadbiran
- C. Sumber manusia
- D. Khidmat pelanggan

19. Apakah kepentingan yang diperoleh oleh peniaga yang berinteraksi dengan organisasi luar?

- I. Matlamat yang ingin dicapai oleh organisasi
- II. Boleh dicapai dalam jangka masa yang pendek
- III. Sesuatu yang memberikan inspirasi kepada pekerja
- IV. Terdiri daripada objektif korporat dan objektif fungsian

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

20. Rajah 3 di bawah ini menunjukkan proses komunikasi



Rajah 3

Apakah unsur **W,X,Y** dan **Z**?

	W	X	Y	Z
A	Maklum balas	Dekod	Saluran	Enkod
B	Dekod	Saluran	Enkod	Maklum balas
C	Saluran	Enkod	Maklum balas	Dekod
D	Enkod	Saluran	Dekod	Maklum balas

21. Diantara pernyataan berikut yang manakah dapat menyatakan dengan jelas maksud pengurusan sumber manusia?

- A. Usaha untuk membina imej baik organisasi
- B. Usaha untuk membangun tenaga kerja dalam organisasi
- C. Usaha untuk mengurangkan risiko melalui kerugian akibat kemerosotan perniagaan
- D. Usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi

22. Pada pendapat anda mengapakah sumber manusia perlu diurus dengan cekap dan berkesan?

- I. Untuk menghasilkan individu yang produktif
- II. Untuk meningkatkan kualiti output yang dihasilkan
- III. Untuk mengurangkan masalah ketidakhadiran pekerja
- IV. Untuk memperbaiki kelemahan dalam sistem pentadbiran

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan III
- D. III dan IV

23. Antara pernyataan berikut yang manakah dapat melahirkan kesetiaan pekerja?
- A. Terdapat latihan dan kemahiran
 - B. Persekitaran kerja yang harmoni
 - C. Tawaran kontrak perniagaan yang menarik
 - D. Kewujudan budaya profesional di tempat kerja
24. Manakah diantara yang berikut yang merupakan sumber fizikal?
- I. Paten
 - II. Produk siap
 - III. Harta intelek
 - IV. Kilang dan mesin
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan III
 - D. II dan IV
25. Mengurus stok dengan betul adalah sangat penting kepada organisasi, mengapakah demikian?
- A. Untuk memastikan produk sentiasa ada apabila dikehendaki
 - B. Untuk memastikan proses pengeluaran berjalan dengan lancar
 - C. Untuk memastikan kualiti produk berada dalam keadaan yang baik
 - D. Untuk memastikan tidak berlaku kerosakan barang sebelum diproses
26. Diantara berikut yang manakah cara yang betul untuk melindungi reka cipta bangunan?
- A. Mendaftar dengan syarikat insurans
 - B. Mendaftarkan reka cipta dengan MyIPO

- C. Mendaftar di bawah Akta Hak Cipta 1987
- D. Mendaftar dengan Syarikat Suruhanjaya Malaysia

27. Sumber pembiayaan dalaman yang manakah merupakan sumber sebuah perniagaan perkongsian?

- A. Overdraft
- B. Pemfaktoran
- C. Modal daripada keuntungan
- D. Geran penyelidikan dan pembangunan

28. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Widya

Syarikat Widya mengeluarkan dan memasarkan beras kepada beberapa buah pasar raya. Permintaan terhadap beras Syarikat Widya semakin meningkat. Hal ini menyebabkan syarikat bercadang untuk menambah beberapa buah lori untuk kegunaan perniagaan.

Jenis pembiayaan apakah yang sesuai untuk membeli kenderaan lori tersebut?

- A. Syer
- B. Pajakan
- C. Sewa beli
- D. Ar-Rahnu

29. Maklumat dibawah berkaitan dengan Puan Timah.

Puan Timah ingin memulakan perniagaan kedai bunga dan memerlukan modal permulaan sebanyak RM20 000. Beliau menjadikan barang kemas miliknya sebagai cagarang yang dianggarkan bernilai RM30 000.

Sumber perniagaan manakah yang paling sesuai digunakan oleh Puan Timah?

- A. Modal permulaan
- B. Pemfaktoran
- C. Ar-Rahnu
- D. Overdraft

30. Skim manakah diantara berikut yang disediakan oleh Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)?

- I Skim Pembiayaan Kontrak_I
- II Modal Usahawan I Malaysia
- III Skim Pembiayaan Peningkatan Perniagaan
- IV Program Pembangunan Usahawan Bekas Tentera

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

31. Berikut adalah maklumat berkaitan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan.

- I Membuat permohonan
- II Pembiayaan diluluskan
- III Menyediakan rancangan perniagaan

Langkah manakah yang betul untuk mendapatkan sumber pembiayaan?

- A. I,II, III, dan IV
- B. II,I,IV dan III
- C. III, IV,I dan II
- D. I, III, II dan IV

32. Bagaimanakah caranya sesebuah perniagaan dapat mengetahui bahawa pembiayaan telah diluluskan?

- A. Perniagaan mengandaikan sendiri bahawa pembiayaan telah diluluskan
- B. Menerima surat pemberitahuan daripada premis perniagaan
- C. Sumber pembiayaan mengunjungi premis perniagaan
- D. Dana telah dimasukkan ke dalam akaun perniagaan

33. Antara pernyataan manakah menunjukkan tujuan Penyata Pendapatan disediakan?
- A. Mengetahui kedudukan kewangan perniagaan
 - B. Mengetahui untung atau rugi bersih perniagaan
 - C. Menunjukkan jumlah aset dan liabiliti perniagaan
 - D. Mengenal pasti ekuiti pemilik perniagaan
34. Apakah sebabnya perniagaan menggunakan Titik Pulangan Modal (TPM) ketika membuat analisis operasi perniagaan?
- A. Untuk mengetahui aliran tunai semasa perniagaan
 - B. Untuk mengetahui kesusukan aset, liabiliti dan ekuiti pemilik
 - C. Untuk mengetahui untung kasar dan untung bersih perniagaan
 - D. Untuk mengetahui sama ada jumlah hasil dapat menampung jumlah kos
35. Antara nisbah yang berikut manakah **bukan** nisbah kecekapan firma?
- A. Nisbah semasa
 - B. Tempoh kutipan hutang
 - C. Kadar pusing ganti inventori
 - D. Tempoh pembayaran hutang
36. Pemilihan lokasi perniagaan yang sesuai amat penting untuk kejayaan usahawan, mengapa demikian?
- A. Memudahkan aktiviti promosi
 - B. Dapat meminimumkan kos jualan
 - C. Memudahkan usahawan mendapat pembiayaan
 - D. Dapat memaksimumkan jualan dan keuntungan
37. Manakah diantara berikut maksud stok bergerak perlahan yang tepat?
- A. Barang-barang yang dijual secara hutang dan lambat menerima bayaran
 - B. Barang-barang yang mengambil masa yang lama untuk dijual
 - C. Barang-barang yang lambat diterima daripada pembekal
 - D. Barang-barang lama yang tidak dapat dijual

38. Maklumat berikut berkaitan dengan prosedur pendaftaran perniagaan

En Max dan En Rex berhasrat untuk menubuhkan syarikat persendirian
--

Mengapakah mereka perlu untuk membuat permohonan carian nama?

- A. Untuk mencari nama yang ringkas
- B. Untuk mencari nama yang bercirikan Malaysia
- C. Untuk mengelakkan daripada menggunakan nama syarikat yang sama
- D. Untuk mengelakkan daripada menggunakan nama syarikat yang telah didenda

39. Apakah kepentingan promosi dalam proses pemasaran barang?

- A. Dapat menjamin keuntungan yang tinggi
- B. Dapat menentukan harga dan saluran agihan yang sesuai
- C. Untuk menghadapi persaingan daripada bilangan pengeluar yang ramai
- D. Untuk menghasilkan produk yang dapat memenuhi permintaan pengguna

40. Manakah diantara berikut merupakan pernyataan yang betul tentang rancangan perniagaan?

- A. Dokumen bertulis yang menerangkan jenis perniagaan yang dijalankan oleh sesebuah perniagaan
- B. Dokumen bertulis yang menerangkan latar belakang perniagaan secara terperinci
- C. Dokumen bertulis yang menerangkan kedudukan kewangan projek perniagaan
- D. Dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan secara terperinci

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT